



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 6 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM, JPA BINCANG KUOTA 1 PERATUS OKU DI SEKTOR AWAM		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-jpa-bincang-kuota-1-peratus-oku-di-sektor-awam/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1467809/kpwkm-jpa-bincang-perkukuh-dasar-kuota-1-peratus-oku-di-sektor-awam	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peranan-jpok-bantu-oku-jana-pendapatan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/11/parlimen-sasaran-1-pengambilan-oku-dalam-perkhidmatan-awam-belum-dicapai/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-perkukuh-kerjasama-antara-kementerian-demi-keperluan-golongan-oku-546193	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/05/dewan-rakyat-kpwkm-jpa-bincang-tingkatkan-penyertaan-oku-dalam-sektor-awam/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.nabalunews.com/post/kpwkm-jpa-bincang-tingkat-penyertaan-oku-dalam-perkhidmatan-awam	NABALUNews.COM	
	https://themalaysianreserve.com/2025/11/05/kpwkm-strengthens-support-for-oku-community-through-dedicated-department/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	https://www.youtube.com/shorts/7UIdwNzS6Io	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KOMUNIKASI IBU BAPA DAN ANAK KUNCI KELUARGA SEJAHTERA, MASYARAKAT BERDISIPLIN - NANCY		POSITIF
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2487624	BERNAMA.COM	
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2487623	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=uSm1cz1BvoQ	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	385 SABAH DOMESTIC VIOLENCE CASES SO FAR		NEGATIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/269743/385-sabah-domestic-violence-cases-so-far	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JBPM TERENGGANU SIAP SIAGA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jbpm-terengganu-siap-siaga-hadapi-monsun-timur-laut	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2487586	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/crime_courts/news.php?id=2487585	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	FORUM 'WOMEN OF IMPACT' PERKUKUH PERANAN WANITA DALAM PERUBAHAN SOSIAL		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/05/forum-women-of-impact-perkukuh-peranan-wanita-dalam-perubahan-sosial/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	BINI BERBIRAT DILIBAS 'HANGER'		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/05/bini-berbirat-dilibas-hanger/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	DERA PEMBANTU RUMAH: 2 INDIVIDU SUDAH DIDAKWA DI MAHKAMAH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1284097/dera-pembantu-rumah-2-individu-sudah-didakwa-di-mahkamah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/05/dera-pembantu-rumah-suami-isteri-sudah-didakwa/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/05/couple-remanded-in-probe-into-abuse-of-adopted-son	THESTAR.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/05/kes-dera-amah-dua-individu-ditahan-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://malaysiapost.com.my/2025/11/05/pasangan-syaitan-rendam-tangan-anak-angkat-dalam-air-panas-kerana-hilang-pensel-warna/	MALAYSIAPOST.COM.MY	
	https://buzzkini.my/trending/2025/11/05/suami-isteri-direman-disyaki-rendam-tangan-anak-angkat-dalam-air-panas-cucuh-guna-pemetik-api/	BUZZKINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	WANITA DITEMUKAN MATI SELEPAS BUNUH ANAK 4 TAHUN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/11/1283955/wanita-ditemukan-mati-selepas-bunuh-anak-4-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/ibu-dan-anak-perempuan-ditemukan-maut	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1467797/ibu-dan-anak-empat-tahun-ditemukan-mati-di-rumah	BHARIAN.COM.MY	
	https://utusantv.com/2025/11/05/wanita-ditemukan-mati-tergantung-lepas-bunuh-anak-4-tahun/	UTUSANTV.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/05/wanita-ditemui-maut-selepas-dipercayai-bunuh-anak-4-tahun	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/759941	MALAYSIAKINI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/05/ibu-ditemui-mati-selepas-bunuh-anak-empat-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.mingguanwanita.my/wanita-tergantung-di-kipas-siling-bunuh-anak/	MINGGUANWANITA.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/11/05/lepas-tekupanak-4-tahun-dengan-bantal-sampai-mati-ibu-gantung-diri-di-kipas-siling-tinggal-nota-akhir-pada-akuarium	MSTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=XBjFR68PTj0	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	SUSPEK AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK DITAHAN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/suspek-amang-seksual-kanak-kanak-ditahan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/polis-tahan-lelaki-liwat-kanak-kanak-dalam-semak/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/05/polis-tahan-lelaki-tangkap-liwat-kanak-kanak-di-kawasan-semak/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	CABUL ANAK SAUDARA, LELAKI DIPENJARA 20 TAHUN, EMPAT SEBATAN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/cabul-anak-saudara-lelaki-dipenjara-20-tahun-empat-sebatan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/05/pekerja-kilang-cabul-anak-saudara-dipenjara-20-tahun-empat-sebatan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1284031/lelaki-dipenjara-20-tahun-empat-sebatan-cabul-anak-saudara	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1467871/cabul-anak-saudara-bapa-tiga-anak-dipenjara-20-tahun-empat-sebatan	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	HELAH GURU SILAT AJAR TERBONGKAR, RUPA-RUPANYA...		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/05/guru-silat-direman-7-hari-ajak-berlatih-tinju-sebelum-cabul-remaja/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/05/guru-silat-disyaki-cabul-pelajar-14-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/11/guru-silat-direman-seminggu-berhubung-kes-cabul-remaja/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=rDuFoo4hAUl	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	LELAKI MENYAMAR POLIS SAMUN DAN ROGOL WANITA DITAHAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283887/lelaki-menyamar-polis-samun-dan-rogol-wanita-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1467694/lelaki-menyamar-polis-samun-dan-rogol-wanita-ditahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755415/berita/semasa/lelaki-menyamar-polis-samun-dan-rogol-wanita-dalam-hutan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/05/lelaki-ditangkap-disyaki-samun-dan-rogol-wanita-di-hutan-simpan-similajau-bintulu	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	REMAJA LELAKI DITAHAN DISYAKI ROGOL TEMAN WANITA BAWAH UMUR		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/05/remaja-lelaki-ditahan-disyaki-rogol-teman-wanita-bawah-umur	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://tvsabahnews.com/lelaki-ditahan-rogol-remaja-bawah-umur/	TVSABAHNEWS.COM	
	https://sabahmedia.com/2025/11/05/rogol-gadis-bawah-umur-remaja-lelaki-ditahan-pihak-berkuasa/	SABAHMEDIA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/05/tawau-teen-rapes-underaged-girl-gets-her-pregnant	THESTAR.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115092/15-year-old-girl-six-months-pregnant-suspected-of-being-raped-boyfriend-arrested	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KPWK PERKUKUH USAHA PENGAMBILAN OKU DALAM SEKTOR AWAM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

KPWKM perkukuh usaha pengambilan OKU dalam sektor awam

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

bagi menilai semula dan memperkukuh usaha ke arah mencapai sasaran kuota satu peratus pengambilan pekerja orang kurang upaya (OKU) dalam perkhidmatan awam.

Menteri berkenaan Datuk Seri Nancy Shukri berkata langkah tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak memandangkan sasaran berkenaan masih

belum mencapai tahap yang diharapkan.

Beliau menjawab soalan Salimiah Mohd Nor (PN-Temerloh) yang ingin tahu tentang usaha kerajaan dalam

membentuk Jabatan OKU bagi mengiktiraf sumbangan OKU dalam pembangunan negara pada sesi soal jawab lisan di Dewan rakyat semalam. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM, JPA bincang kuota 1 peratus OKU di sektor awam

🕒 05 November 2025, 12:48pm



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri. – Foto fail

Oleh: Ercy Gracella Ajos

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi meneliti semula serta memperkukuh usaha mencapai kuota satu peratus pengambilan pekerja dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) di sektor awam.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata sasaran itu masih belum berjaya dicapai dan menegaskan kuota berkenaan bukan sahaja menjadi sasaran kementerian, malah komitmen nasional.

"Kita sudah berbincang dengan JPA untuk mengemas kini (data) supaya mereka tahu bahawa kita masih belum mencapai (sasaran satu peratus itu masih belum dicapai)," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Nancy menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) berhubung strategi kementerian memastikan sasaran satu peratus pengambilan OKU dalam sektor awam tercapai, selain pertimbangan meneliti model pentadbiran luar negara.

Pada 12 November tahun lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, dilaporkan memaklumkan seramai 92 individu OKU diambil bekerja dalam sektor awam, iaitu hanya 0.36 peratus daripada keseluruhan 25,520 kekosongan perjawatan kerajaan yang diisi pada 2023.

Namun begitu, Nancy berkata, kementeriannya kini hampir mencapai kadar pengambilan OKU sebanyak dua peratus.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KOMUNIKASI IBU BAPA DAN ANAK KUNCI KELUARGA SEJAHTERA, MASYARAKAT BERDISIPLIN – NANCY

🕒 06/11/2025 12:23 AM



KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Komunikasi berkesan antara ibu bapa dan anak-anak menjadi tunjang kepada pembentukan keluarga yang harmoni dan masyarakat berdisiplin, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy berkata setiap ibu bapa perlu memainkan peranan sebagai teladan utama kerana sikap dan pertuturan mereka di rumah akan menjadi cerminan kepada tingkah laku anak-anak.

"Anak-anak, dengar dan lihat macam mana kita (ibu bapa), kita jadi contoh kepada mereka," katanya dalam program Podcast Kasih Lensa Keluarga terbitan Bernama TV bertajuk 'Kasih Keluarga, Bahagia Bersama' di sini hari ini.

Pada masa sama, Nancy berkata peranan ibu bapa bukan sekadar menyediakan keperluan asas tetapi merangkumi tanggungjawab untuk mendidik dan membentuk nilai moral serta disiplin dalam kalangan anak-anak.

Beliau berkata walaupun kesibukan bekerja dan kemajuan teknologi membuatkan masa bersama keluarga semakin terhad, amalan mudah seperti makan bersama dapat memperkukuh hubungan dan membantu ibu bapa memahami perkembangan anak-anak.

Mengenai penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak, Nancy mengakui ia antara cabaran besar masa kini dan menyeru ibu bapa tegas dalam menetapkan had serta memantau kandungan yang diakses anak-anak.

"Saya nampak orang bagi anak telefon bimbit sebab nak memudahkan diri tapi bila ambil balik telefon bimbit anak menangis. Dari awal perlu ada disiplin, biarkan anak menangis sebab kita hendak disiplinkan dia," katanya.

Beliau berkata sesetengah kandungan digital memang bersifat mendidik namun pemantauan ibu bapa tetap penting bagi memastikan anak tidak terpengaruh dengan unsur negatif.

Selain itu, Nancy berkata tindakan ibu bapa yang terlalu mempertahankan anak walaupun jelas melakukan kesalahan boleh membawa kepada sikap tidak bertanggungjawab dalam masyarakat.

Beliau turut menasihatkan agar ibu bapa supaya melibatkan anak dalam tugas harian di rumah bagi menanam nilai tanggungjawab dan berdikari.

"Keluarga yang bahagia dan berdisiplin tidak terbentuk dalam sehari tetapi melalui kesungguhan ibu bapa berkomunikasi dengan baik dan menjadi contoh dalam setiap tindakan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



385 Sabah domestic violence cases so far

Published on: Wednesday, November 05, 2025
By: Mardiah Jikur



Noraini (seated front, centre) with attendees.

SANDAKAN: Domestic violence remains one of the most alarming social issues in the country.

Women, Family and Community Development Deputy Minister Datuk Seri Noraini Ahmad said unfortunately, in some cases, domestic violence is still viewed as a personal matter that should be resolved within the household without external intervention.

"This perception leads many victims, especially women, to continue suffering in silence," she said.

According to statistics from the Royal Malaysian Police, a total of 3,768 cases of domestic violence involving victims aged between 36 and 45 years were recorded nationwide from January to August this year, with Sabah accounting for 385 cases.



Noraini Ahmad.

She said these numbers are not just statistics but a real depiction of the suffering endured by wives, mothers and children due to domestic violence.

"This issue requires serious attention and integrated efforts from all parties to ensure it is addressed in a holistic and effective manner, not just through law enforcement," she added.

She said this during the launch of the Jelajah Kasih (Love Tour) Local Support Centre (PSSS) titled "Sa Dengar Sa Tulung Bah" (I hear I help) at Taman Batu Sapi PPR Hall, here.

Also present were Sandakan District Officer Zantapha Zaina Abidin, National Welfare Foundation (YKN) CEO Nordina Harun and event organiser representative Hazulizah Md Dani.

In her speech, Noraini highlighted that the Ministry is always committed to strengthening policies, laws and mechanisms to deliver information and support to the community, particularly victims of domestic violence.

Additionally, they are also reinforcing the social support ecosystem through various programmes and cross-agency collaborations.

These include the EVAW (End Violence Against Women) Programme by the Department of Women's Development (JPW), counselling services and case management by the Department of Social Welfare, awareness campaigns and enforcement of laws under the Domestic Violence Act, as well as strategic partnerships with YKN through initiatives like PSSS and the 24-hour Talian Kasih 15999 helpline.

The helpline is a critical resource for women in need of immediate assistance or for reporting cases of violence, abuse, or neglect.

Meanwhile, Nordina, when speaking to the media, said PSSS, an initiative under YKN, was created as a one-stop centre to assist individuals and families facing various social, psychological and emotional issues.

PSSS plays a role in providing counselling services, early interventions, psychosocial assistance, case monitoring and referrals to relevant agencies.

"It was established to ensure that the community is not left to face life's pressures, family problems, or trauma caused by violence and abuse alone," she added.

Women and children who are victims of domestic violence, abuse survivors, individuals facing depression, emotional stress, or those who have lost their livelihood often benefit from PSSS services.

Since its establishment, PSSS has become a reference point for thousands of Malaysians seeking emotional support and professional intervention.

PSSS not only provides advice but also serves as a safe space for the community to be heard, guided and assisted by registered YKN professional counsellors.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JBPM Terengganu siap siaga hadapi Monsun Timur Laut

Nasional - Dicipta: 05 November 2025 11:26 PM



Foto fail

KEMAMAN, 5 November – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Zon 2 Terengganu dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) dan kemungkinan berlakunya banjir.

Pegawai Zon 2 JBPM Terengganu, Penguasa Bomba Kasyfi Syahmi Ghazali berkata, pihaknya turut mengenal pasti beberapa kawasan panas atau tempat sering berlaku banjir bagi tujuan pemantauan.

Menurutnya beberapa kampung di daerah Kemaman dan Dungun khususnya yang berada di kawasan rendah telah dikenalpasti sebagai kawasan berisiko banjir.

Beliau berkata, di Kemaman antara kawasan terbabit ialah Kampung Teladas, Air Putih, Perumahan Telok Kalong, Padang Kubu, Kemasik dan Kampung Tebak.

Manakala, di daerah Dungun, kampung yang sering terjejas ialah Kampung Pasir Raja, Syukur, Jongok Batu dan beberapa kawasan di bandar Dungun.

"Untuk nasihat kepada penduduk kawasan hotspot kita sarankan kepada masyarakat di kawasan tersebut supaya sentiasa bersedia, jenis dokumen yang penting sebagai contoh kad pengenalan siji lahir dan sebagainya ditempatkan di tempat yang telah dikenal pasti selamat", katanya.

Katanya, bagi tujuan penugasan anggota menghadapi MTL juga, seramai 320 pegawai dan anggota diletakkan dalam keadaan siap siaga, manakala bagi tujuan operasi pemindahan penduduk terjejas, pihaknya akan menggunakan sebanyak 16 buah pacuan empat roda dan lori serta 20 buah bot dan semua aset berkenaan di tempatkan di lima buah balai di Kemaman dan tiga di Dungun.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Program Latihan Simulasi Banjir Peringkat Daerah Kemaman di Institut Latihan dan Pendidikan Ranaco (RETI).

Program anjuran alumni RETI dengan kerjasama JBPM dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Kemaman itu bertujuan memberi pendedahan kepada kumpulan sasar bagi menangani dan mengurus bencana banjir.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FORUM WANITA BERIMPAK - MEMACU PERUBAHAN SOSIAL BERLANGSUNG DI KUCHING PADA 15 NOVEMBER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Forum Wanita Berimpak - Memacu Perubahan Sosial berlangsung di Kuching pada 15 November

KUCHING: Forum Wanita Berimpak - Memacu Perubahan Sosial yang julung kali diadakan akan berlangsung di Kuching pada 15 November ini.

Dalam satu kenyataan, forum itu menghimpunkan beberapa wanita pembuat perubahan paling memberi inspirasi di Malaysia bersama pemimpin negara dan penyokong masyarakat sivil.

Dianjurkan oleh Jawatankuasa Teras Wanita Berimpak (WOI), forum itu bertujuan mencetuskan perubahan yang jujur dan tindakan kolektif mengenai isu-isu

yang membentuk kehidupan dipinggirkan - kemiskinan, pendidikan, kebajikan haiwan, alam sekitar dan masalah emosi tidak jelas ditanggung oleh wanita dalam komuniti di mana-mana sahaja.

Forum WOI direka bentuk sebagai dialog gaya ruang tamu - hangat, jujur dan sangat berperikemanusiaan.

"Hasratnya ialah untuk memberi penghormatan kepada 'wanita yang tidak didendang,' jauh daripada publisiti atau keistimewaan dan untuk menghubungkan dunia masyarakat sivil, dasar dan kepimpinan korporat

dalam usaha mencapai pembaharuan yang bermakna," tambah kenyataan itu.

Forum itu akan menampilkan lapan penceramah dan empat ahli panel yang mewakili pelbagai sektor, daripada keusahawanan sosial dan bantuan kemanusiaan kepada undang-undang, kesihatan dan aktivis akar umbi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Amar Fadillah Yusof, selaku tetamu kehormat akan menyampaikan ucapan khas mengenai 'Wanita, Masyarakat Sivil dan Peranan Kerajaan dalam Memperkasa Perubahan.'



UNTUK ALBUM: Fadillah merakamkan kenangan bersama jawatankuasa penganjur Forum Wanita Berimpak - Memacu Perubahan Sosial.

Di bawah tema 'Memacu Perubahan Sosial,' forum WOI meneroka erti sebenar mewujudkan impak yang berkekalan dalam dunia dipenuhi dengan pelbagai aspek.

judkan impak yang berkekalan dalam dunia dipenuhi dengan pelbagai aspek.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Forum Women of Impact (WOI) edisi sulung bertemakan 'Driving Social Change' akan diadakan di Muzium Budaya Borneo pada 15 November ini, menghimpunkan barisan wanita berpengaruh bersama pemimpin negara dan penggiat masyarakat sivil bagi membincangkan isu sosial semasa.

Forum 'Women of Impact' perkukuh peranan wanita dalam perubahan sosial

By Regina Lee #bm, Berita Sarawak November 5, 2025 3:28 PM

KUCHING, 5 Nov: Forum Women of Impact (WOI) edisi sulung bertemakan 'Driving Social Change' akan diadakan pada 15 November di Muzium Budaya Borneo, menghimpunkan wanita berpengaruh bersama pemimpin negara dan penggiat masyarakat sivil untuk membincangkan isu sosial semasa.

Dianjurkan oleh Jawatankuasa Teras WOI, forum separuh hari ini bertujuan mendorong perbincangan jujur dan tindakan kolektif terhadap isu seperti kemiskinan, pendidikan, kebajikan haiwan, alam sekitar, serta beban emosi tidak kelihatan yang dialami wanita dalam komuniti.

Berbeza daripada persidangan biasa, forum ini menggunakan format dialog santai berkonsepkan 'ruang tamu', mewujudkan suasana mesra dan terbuka untuk perkongsian pengalaman.

Tujuan utama forum adalah menghargai sumbangan wanita yang tidak didendang serta merapatkan hubungan antara sektor masyarakat sivil, dasar awam, dan korporat untuk memacu reformasi sosial yang lebih berkesan.

Forum akan menampilkan lapan penceramah dan empat ahli panel daripada pelbagai bidang termasuk keusahawanan sosial, bantuan kemanusiaan, perundangan, kesihatan, dan aktivisme akar umbi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Fadillah Yusof, dijadual hadir sebagai tetamu kehormat dan menyampaikan ucapan khas bertajuk 'Women, Civil Society and the Government's Role in Empowering Change.'



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Fadillah Yusof bersama barisan Ekco Women of Impact (WOI).

Mengangkat tema 'Menggerakkan Perubahan Sosial,' forum ini bertujuan membincangkan makna sebenar mencipta impak berkekalan dalam dunia yang kian dipengaruhi persepsi dan imej semata-mata, serta menggalakkan peserta menilai semula pendekatan kepimpinan, kolaborasi, dan keadilan dalam memacu perubahan sosial.

Antara sesi menarik yang dijangka menjadi tumpuan termasuk 'Ground Builders, Not Spotlight Seekers': menghargai wanita yang memimpin secara senyap di lapangan; 'Bridging the Cracks': membincangkan bagaimana masyarakat sivil mengisi jurang yang ditinggalkan oleh sistem; dan 'Courage in Conscience': menyingkap keberanian serta ketabahan di sebalik perjuangan kerja sosial.

Forum ini dijangka menjadi platform penting bagi menghubungkan pelbagai pihak daripada pembuat dasar hingga masyarakat akar umbi, dalam membina rangka kerja lebih inklusif bagi memperkasa wanita serta menggerakkan perubahan sosial di Malaysia. – TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kesan lebam pada tubuh badan seorang wanita didakwa dipukul suami.

Bini berbirat dilibas 'hanger'

Oleh KOSMO! 5 November 2025, 9:21 pm

PETALING JAYA – Seorang wanita tampil mendakwa menjadi mangsa keganasan rumah tangga apabila mengalami kecederaan akibat dipukul oleh suaminya dalam kejadian di kediaman mereka baru-baru ini.

Menurut wanita dikenali Amira, kejadian tersebut meninggalkan trauma kepada dirinya meskipun baru sahaja mendirikan rumahtangga dengan lelaki berkenaan.

"Dah pukul, siksa aku begini? Sekarang ugut aku pula paksa keluarga aku tarik laporan? Kau siksa anak orang. Belum setahun kahwin, tapi kau pukul dia teruk macam ini," kata Amira.

Amira berkata, dia telah membuat dua laporan polis sebelum ini, namun mendakwa insiden itu tetap berterusan.

"Laporan polis dah buat tapi berani pukul lagi sebab kepala stim. Saya hidup dalam ketakutan. Bila cakap nak berubah. Rupanya wayang semata-mata," ujarinya.

Dalam pada itu, Amira turut memohon doa orang ramai supaya diberi kekuatan untuk menghadapi ujian tersebut selain menyatakan kesan parut pada tubuhnya masih belum pulih sehingga kini.

"Doakan saya kuat hadap lelaki mental kuat ugut. Dah kahwin baru terserlah semua. Nak patah balik tak boleh, hadap sahaja ikut undang-undang," jelasnya.

Terdahulu, tular di media sosial hantaran yang dimuat naik oleh Amira bersama beberapa foto memaparkan kecederaan yang dialami olehnya.

Selain kesan lebam di lengan, Amira turut menunjukkan kesan pukulan penyangkut baju yang berbekas pada tubuhnya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dera pembantu rumah: 2 individu sudah didakwa di mahkamah

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Serdang: Dua individu yang dipercayai mendera seorang pembantu rumah warga asing sudah dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan pemerdagangan orang, bulan lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar berkata, mangsa wanita berusia lewat 40-an itu dipercayai menjadi mangsa penderaan fizikal di sebuah rumah di Seri Kembangan.

Menurutnya, hasil risikan dan maklumat diterima, sepasukan anggota daripada Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang menahan dua suspek, masing-masing seorang lelaki dan wanita tempatan berusia lewat 50-an.

"Pada 24 Oktober lalu, kedua-dua suspek sudah dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 13(a) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan atas kesalahan pemerdagangan orang dengan cara ancaman," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, kes berkenaan kini menunggu sebutan semula di mahkamah.

"Manakala mangsa telah ditempatkan di bawah perlindungan menerusi Perintah Perlindungan Interim mengikut Seksyen 44(2) Akta ATIPSOM 2007 bagi memastikan keselamatan dan kebajikannya terjamin," katanya.

Shazeli menegaskan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius sebarang bentuk penderaan dan eksploitasi terhadap pekerja warga asing di negara ini.

"PDRM komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam kes seumpama ini bagi memastikan keadilan kepada mangsa dan membanteras jenayah pemerdagangan orang," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita ditemukan mati selepas bunuh anak 4 tahun

Zuliaty Zulkifli
am@hmetro.com.my



KEADAAN rumah mangsa. FOTO IHSAN POLIS

Kulim: Seorang wanita ditemukan mati tergantung selepas membunuh anak perempuannya yang berusia empat tahun di sebuah rumah di Taman Perak, di sini, malam tadi.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Zulkifli Azizan berkata, bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulim menerima panggilan daripada orang awam pada jam 11.05 malam tadi.

Beliau berkata, berikutan itu sepasukan anggota polis dari Balai Polis Kulim Hi-Tech bergegas ke lokasi untuk melakukan pemeriksaan.

"Lokasi kejadian adalah sebuah rumah teres satu tingkat kos rendah dan mempunyai tiga bilik.

"Hasil pemeriksaan menemukan mayat wanita berusia 30 tahun itu dan anak perempuannya berusia empat tahun dalam bilik pertama di atas tilam," katanya.

Zulkifli berkata, siasatan awal mendapati wanita berkenaan mengalami tekanan emosi selepas kecewa dengan teman lelakinya yang didakwa menjalinkan hubungan sulit dengan wanita lain.

"Penemuan nota yang ditinggalkan menyatakan permohonan maaf kepada semua pihak dan menyebut bahawa dia tidak sanggup menanggung sakit hati.

"Selain itu, dia turut menyatakan bahawa anak-anaknya tidak boleh tinggal dengan sesiapa dan sebab itu dia terpaksa membawa mereka bersama," katanya ketika dihubungi hari ini.

Zulkifli berkata, kejadian itu terbongkar selepas seorang jiran terdengar jeritan kanak-kanak lelaki itu dan melihat wanita berkenaan melalui luar tingkap.

Katanya, seorang lagi anak lelakinya berusia tujuh tahun turut menjadi sasaran cubaan bunuh namun terselamat.

Beliau berkata, jiran berkenaan kemudian segera menghubungi polis dan meminta mangsa membuka pintu rumah yang berkunci dari dalam.

"Pemeriksaan lanjut mendapati tiada sebarang kesan pecah masuk atau unsur pencerobohan di lokasi kejadian.

"Mayat kedua-dua beranak itu dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar untuk bedah siasat," katanya.

Zulkifli berkata, anak lelaki si mati berusia tujuh tahun yang terselamat mengalami kesan meleceh pada leher dan sakit pada bahagian rahang, dan kini menerima rawatan di Hospital Kulim.

Beliau berkata, selain penemuan nota tulisan tangan itu, pihaknya turut menemui Mykad ketiga-tiga beranak serta kad mesin juruwang automatik (ATM) milik si mati yang diletakkan berdekatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 dan Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana membunuh dan cubaan membunuh," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suspek amang seksual kanak-kanak ditahan

Nasional - Dicipta: 05 November 2025 12:53 PM



Suspek memiliki rekod jenayah lampau berkait serangan seksual dan narkotik.

KUANTAN, 5 November – Seorang lelaki yang disyaki melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak berusia 12 tahun di Kampung Padang di sini, sudah ditahan polis bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman mendedahkan, tangkapan dibuat di kediaman suspek di sini, pada Selasa.

"Siasatan masih dijalankan. Permohonan reman sudah dibuat pagi ini. Polis juga akan membawa mangsa ke hospital bagi pemeriksaan lanjut untuk mengesahkan kejadian berkenaan," katanya.

Beliau menyatakannya ketika ditemui pada Majlis Pemakaian Pangkat Ketua Polis Daerah Jerantut dan Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Siasatan/Perundangan Ibu Pejabat Kontijen (IPK) Pahang, di sini hari ini.

Suspek berusia 25 tahun yang tidak bekerja, disahkan memiliki rekod jenayah lampau berkait serangan seksual dan narkotik.

Dalam kejadian kira-kira pukul 8 malam pada Isnin lepas, kanak-kanak itu dipercayai ditahan suspek ketika melalui deretan kedai di kawasan berkenaan.

Mangsa kemudian dibawa ke kawasan semak dan dipercayai telah diliwat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cabul anak saudara, lelaki dipenjara 20 tahun, empat sebatan

🕒 05 November 2025, 3:04pm



Foto hasani

Oleh: Ahmad Hasbi

SEREMBAN: Seorang bapa tiga anak dipenjara 20 tahun dan empat sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudaranya yang ketika itu berusia 14 tahun 10 bulan.

Hakim Surita Budin membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh, 28 tahun, yang bekerja di sebuah kilang.

Mahkamah meneliti semua keterangan saksi pendakwaan dan pembelaan serta hujahan bertulis kedua-dua pihak sebelum membuat keputusan.

Mahkamah mendapati pembelaan gagal membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Justeru, tertuduh didapati bersalah dan disabitkan bagi kedua-dua pertuduhan.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu melakukan kesalahan pertama terhadap mangsa di sebuah rumah di Taman Matahari Indah, Senawang, antara jam 5 pagi hingga 5.30 pagi pada 26 dan 27 Disember 2021.

Kesalahan kedua dilakukan di lokasi sama sekitar tengah hari pada 28 Disember 2021.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) dan (b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Bagaimanapun, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada satu lagi pertuduhan mengikut seksyen sama selepas mahkamah mendapati pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah.

Peguam pembelaan, Asmawi Ismail, memohon hukuman ringan kerana tertuduh penanggung utama keluarga, mempunyai isteri serta tiga anak kecil, dan memberi kerjasama sepanjang siasatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Noraziah Asmuni, sebaliknya memohon hukuman berat kerana tertuduh sepatutnya melindungi, bukan mengambil kesempatan terhadap anak saudaranya sendiri.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan dengan arahan hukuman berjalan secara berterusan (consecutive).

Pemohonan peguam pembelaan untuk penangguhan pelaksanaan hukuman ditolak kerana mahkamah berpuas hati tiada keadaan khas yang membolehkan permohonan itu dipertimbangkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SUSPEK (berbaju lokap kanan) direman tujuh hari selepas disyaki melakukan perbuatan tidak senonoh terhadap seorang remaja perempuan berusia 14 tahun, bulan lalu. - Foto oleh ARIF HAMIZAN MISKON

Helah guru silat ajar terbongkar, rupa-rupanya...

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA 5 November 2025, 5:04 pm

MELAKA – Seorang guru silat ditahan selepas disyaki melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 14 tahun di Taman Telok Mas, di sini bulan lalu.

Menurut sumber, kejadian pada 7 Oktober lalu berlaku selepas suspek berusia 44 tahun mengambil mangsa di rumah keluarganya di Pulau Sebang, Alor Gajah pada pukul 7 malam kononnya untuk dibawa berlatih di gelanggang silat.

"Mangsa sebaliknya dibawa ke rumah suspek di Taman Telok Mas dengan alasan untuk mempelajari teknik tinju sebagai persediaan menyertai ujibakat Sukan Malaysia (Sukma) di Johor.

"Setibanya di rumah itu pada pukul 11 malam, mangsa tidak diajar seperti dijanjikan, sebaliknya diarahkan tidur di bilik utama sebelum suspek masuk dan berbaring di sebelah remaja tersebut sampai pagi," ujarnya.

Sumber berkata, pada pukul 8 pagi, suspek melakukan perbuatan tidak senonoh ke atas mangsa namun remaja itu hanya mendiamkan diri kerana terlalu takut sekiranya diapa-apakan. Suspek juga meminta mangsa supaya merahsiakan perbuatannya daripada pengetahuan keluarga.

"Pengadu yang berasa tertekan menceritakan kejadian itu kepada bapanya semalam dan laporan dibuat di Balai Polis Kandang yang membawa kepada penahanan suspek malam tadi," katanya.

Suspek direman selama tujuh hari bermula hari ini. Perintah reman sehingga 11 November itu dibenarkan Majistret Uthman Abd. Ghani bagi membolehkan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. - KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki menyamar polis samun dan rogol wanita ditahan

Erika George
am@hmetro.com.my



LELAKI 50 tahun itu ditahan polis di Sibul pada 2.30 petang semalam. FOTO Ihsan PDRM

Bintulu: Suspek utama kes samun dan rogol seorang wanita 20 tahun di kawasan Hutan Simpan Similajau, dekat sini, hujung bulan lalu, diberkas Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu pada petang semalam.

Ketua Polis Daerah Bintulu Superintendan Nixon Joshua Ali, lelaki 50 tahun itu ditahan polis pada 2.30 petang ketika berada di kawasan awam di Sibul.

"Hasil maklumat serta risikan pasukan polis sejak lima hari lalu membuahkan hasil yang mana suspek akhirnya berjaya ditangkap polis bagi membantu siasatan," katanya.

Menurutnya, ketika kejadian 9 malam itu, suspek menyamar sebagai anggota polis dan memperdayakan mangsa dengan menawarkan bantuan kewangan sebelum membawa mangsa ke lokasi kejadian lalu menyamun serta merogol mangsa.

Nixon dalam masa sama menasihatkan orang awam terutama golongan wanita supaya tidak terpedaya dengan mana-mana individu yang mengaku sebagai penjawat awam sekiranya tidak menunjukkan sebarang tanda pengesahan.

"Ia bagi mengelak mereka menjadi mangsa penipuan yang akhirnya membahayakan diri mereka sendiri," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada serta tidak mudah mempercayai mana-mana individu yang mendakwa diri mereka sebagai penjawat awam tanpa pengesahan yang sah bagi mengelak daripada ditipu.

"Kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 392/376 dan Seksyen 170 Kanun Keseksaan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja lelaki ditahan disyaki rogol teman wanita bawah umur

🕒 November 5, 2025, Rabu - 12:26pm



TANGKAP: Suspek berjaya ditahan dan dibawa ke IPD Tawau untuk siasatan lanjut.

TAWAU: Seorang remaja lelaki ditahan polis selepas disyaki merogol teman wanitanya yang kini disahkan mengandung enam bulan dalam kejadian di kawasan Taman Sri Balung, di sini, baru-baru ini.

Suspek berusia 19 tahun itu ditahan sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Tawau, selepas menerima laporan daripada seorang wanita.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin, berkata perkara itu terbongkar selepas seorang wanita yang membawa adik angkatnya menjalani pemeriksaan kesihatan di sebuah klinik swasta di Taman Sawit, di sini.

Katanya, hasil pemeriksaan doktor mendapati remaja perempuan berusia sekitar 15 tahun itu mengandung enam bulan.

“Siasatan lanjut mendapati mangsa mengaku telah dibawa oleh teman lelakinya ke sebuah rumah di Taman Sri Balung sebelum dirogol

“Susulan laporan itu, sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah melancarkan operasi khas di Bandar Sri Indah dan berjaya menahan suspek beberapa jam kemudian,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, suspek kini direman untuk siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan kerana merogol.

“Jika sabit kesalahan, suspek boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan,” katanya.

Jasmin mengingatkan ibu bapa serta penjaga supaya sentiasa memantau pergerakan anak-anak, terutama golongan remaja, agar tidak menjadi mangsa atau terjebak dalam aktiviti tidak bermoral.

“Keselamatan anak-anak adalah tanggungjawab bersama antara polis dan masyarakat.

“Peka terhadap perubahan tingkah laku anak-anak bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : IBU TUNGGAL KEKASIH MATI TERGANTUNG SELEPAS DISYAKI BUNUH ANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Ibu ditinggal kekasih mati tergantung selepas disyaki bunuh anak

Kulim: Wanita ditemukan mati tergantung selepas dipercayai membunuh anak perempuannya yang berusia empat tahun, di rumah di Taman Perak, di sini malam kelmarin.

Wanita berusia 30 tahun itu ditemui tergantung di kipas siling, manakala anak perempuannya terbaring di katil, dipercayai akibat muka ditekap dengan bantal.

Anak 7 tahun terselamat

Bagaimanapun, anak lelaki yang berusia tujuh tahun terselamat apabila ikatan di lehernya dipercayai terlucut ketika ditolak dari tangga aluminium oleh ibunya.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Zulkifli Azizan, berkata bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulim menerima panggilan orang awam pada

jam 11.05 malam kelmarin, berhubung penemuan wanita tidak sedarkan diri.

Beliau berkata, sepasukan anggota polis dari Balai Polis Kulim Hi-Tech dihantar ke lokasi untuk melakukan pemeriksaan.

"Lokasi kejadian adalah rumah teres kos rendah setingkat yang mempunyai tiga bilik.

"Pemeriksaan menemukan wanita itu tergantung di kipas siling, manakala anak perempuannya berusia empat tahun di atas tilam dalam bilik pertama," katanya ketika dihubungi, semalam.

Zulkifli berkata, siasatan awal mendapati wanita itu dipercayai bertindak demikian akibat tekanan emosi selepas kecewa dengan teman lelaki yang didakwa mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain.

"Sekeping nota yang ditinggal-



Lokasi kejadian ibu dan anak berusia 4 tahun ditemui mati di sebuah rumah teres kos rendah di Taman Perak, Kulim. (Foto ihsan PDRM)

kan menyatakan permohonan maaf kepada semua pihak dan wanita itu mendakwa tidak sanggup menanggung sakit hati.

"Dia turut menyatakan anaknya tidak boleh tinggal dengan sesiapa dan perlu dibawa bersama.

"Polis turut menemui MyKad ketiga-tiga beranak dan kad mesin juruwang automatik (ATM)

milik si mati yang diletak berdekatan," katanya.

Zulkifli berkata, kejadian itu diketahui selepas jiran terdengar jeritan kanak-kanak lelaki itu dan melihat keadaan wanita berkenaan dari luar tingkap.

Katanya, jiran itu menghubungi polis dan meminta kanak-kanak lelaki terbabit membuka pintu yang berkunci dari dalam.

"Tiada kesan pecah masuk atau unsur pencerobohan ditemui di lokasi kejadian.

"Mayat dua beranak itu dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar untuk bedah siasat," katanya.

Zulkifli berkata, kanak-kanak lelaki itu yang melecet pada leher dan rahang, kini menerima rawatan di Hospital Kulim.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DITEMUI TERGANTING SELEPAS BUNUH ANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



LOKASI seorang wanita ditemukan mati tergantung selepas dipercayai membunuh anak perempuannya dan nota yang ditemui di dalam rumah.

ALAMI TEKanan AKIBAT TEMAN LELAKI CURANG

Ditemui tergantung selepas **bunuh** anak

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Kulim

Seorang wanita ditemukan mati tergantung selepas dipercayai membunuh anak perempuannya yang berusia empat tahun di sebuah rumah di Taman Perak, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Zulkiffli Azizan berkata, bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulim menerima panggilan daripada orang awam pada jam 11.05 malam.

Beliau berkata, berikutan itu sepasukan anggota po-

lis dari Balai Polis Kulim Hi-Tech bergegas ke lokasi untuk melakukan pemeriksaan.

"Lokasi kejadian adalah sebuah rumah teres satu tingkat kos rendah dan mempunyai tiga bilik.

"Hasil pemeriksaan menemukan mayat wanita berusia 30 tahun itu dan anak perempuannya berusia empat tahun dalam bilik pertama di atas tilam," katanya.

Zulkiffli berkata, siasatan awal mendapati wanita berkenaan mengalami te-

kanan emosi selepas kecewa dengan teman lelakinya yang didakwa menjalinkan hubungan sulit dengan wanita lain.

"Penemuan nota yang ditinggalkan menyatakan permohonan maaf kepada semua pihak dan menyebut bahawa dia tidak sanggup menanggung sakit hati.

"Selain itu, dia turut menyatakan bahawa anak-anaknya tidak boleh tinggal dengan sesiapa dan sebab itu dia terpaksa membawa mereka bersa-

ma," katanya ketika dihubungi semalam.

Zulkiffli berkata, kejadian itu terbongkar selepas seorang jiran terdengar jeritan kanak-kanak lelaki itu dan melihat wanita berkenaan tergantung pada kipas siling melalui luar tingkap.

Katanya, seorang lagi anak lelakinya berusia tujuh tahun turut menjadi sasaran cubaan bunuh wanita itu namun terselamat.

Beliau berkata, jiran berkenaan kemudian segera menghubungi polis dan meminta mangsa membuka pintu rumah yang ber-kunci dari dalam.

"Pemeriksaan lanjut

mendapati tiada sebarang kesan pecah masuk atau unsur pencerobohan di lokasi kejadian.

"Mayat kedua-dua beranak itu dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar untuk bedah siasat," katanya.

Zulkiffli berkata, anak lelaki si mati berusia tujuh tahun yang terselamat mengalami kesan meleceh pada leher dan sakit pada bahagian rahang, dan kini

menerima rawatan di Hospital Kulim.

Beliau berkata, selain penemuan nota tulisan tangan itu, pihaknya turut menemui MyKad ketiga-tiga beranak serta kad mesin juruwang automatik (ATM) milik si mati yang diletakkan berdekatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 dan Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana membunuh dan cubaan membunuh," katanya.

"Tiada sebarang kesan pecah masuk atau unsur pencerobohan di lokasi kejadian"
Zulkiffli

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SURVIVING BOY UNDER FATHER'S CARE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

CHILD TRAUMATISED

SURVIVING BOY UNDER FATHER'S CARE

Murder-suicide linked to mother's troubled relationship

AHMAD MUHSEIN MUKHTAR
ALOR STAR
news@nst.com.my

THE 7-year-old boy who survived the murder-suicide at a house in Taman Perak, Kulim, is now under the care of his father—the ex-husband of the woman involved in the incident.

The woman, a 30-year-old factory worker who was divorced from her husband, is believed to have killed her 4-year-old daughter and attempted to kill her son before taking her own life.

Investigators believe the act was driven by emotional distress linked to problems in her relationship with her current boyfriend.

Kedah Social Welfare Department director Zakaria Taib said the agency is assessing whether the boy's father is a suitable candidate for permanent custody.

"The child is in deep trauma and is being treated at the hospital. His father is with him.

"Regarding custody, we will study whether the father is suitable. Based on our information,

he works as a security guard," he told the *New Straits Times*.

Zakaria said the department had yet to make contact with the child as he remained under medical care.

Police arrived at the scene around midnight on Tuesday and found the woman, who was dead.

Her daughter was found lying unresponsive on a mattress nearby.

The boy survived after an attempt on his life failed. He was found with bruises on his neck and jaw.

A suicide note recovered at the scene revealed that the woman apologised and said she could no longer endure her suffering.

"I apologise to everyone, this is my 'final journey' and I can no longer endure the heartache.

"(The children) cannot be left with anyone, which was why I felt compelled to take them with me."

The woman thanked her friends and clarified that they had nothing to do with her decision.

Kulim police chief Superintendent Zulkifli Azizan said the case is being investigated under Sections 302 (murder) and 307 (attempted murder) of the Penal Code.

If you are feeling depressed or stressed, know that help is available. All you have to do is reach out. The Befrienders is an example of a place you can call if you



The suicide note, the woman's MyKad and her two children's MyKad that were recovered at a house in Taman Perak, Kulim, recently. PIX COURTESY OF POLICE

have suicidal thoughts or feeling overwhelmed.

They provide emotional support 24/7. For more info, visit www.befrienders.org.my or contact 03-76272929.

You can also contact Talian Kasih at 15999 (24/7), BuddyBear Helpline at 1800-18-2327 (BEAR) (daily 12pm to 12am), Mental Illness Awareness & Support Association (MIASA) at 1-800-820 066 (24/7), and the Health Ministry -

Mercy Malaysia Psychosocial Support Helpline at 03-2935 9935.

Meanwhile, state Women, Family and Community Development and Welfare Committee chairman Datuk Halimatun Shaadiah Saad said, according to preliminary reports, the father and his family had expressed their willingness to care for the boy once he is discharged from the hospital.

"Based on medical findings, the child sustained injuries to his neck consistent with strangulation. According to the Education Department office, he is in Year One."

She added that the woman and her ex-husband had been divorced since 2022.

"The department will conduct a home visit and assessment at the father's residence for monitoring once the child is discharged."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BERSALAH CABUL ANAK SAUDARA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Bersalah cabul anak saudara

*Bapa tiga anak dipenjara
20 tahun dan empat sebatan*

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Bapa kepada tiga anak dihukum penjara selama 20 tahun dan dikenakan empat sebatan oleh Mahkamah Sesiyen di sini, semalam selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudaranya yang berusia 14 tahun 10 bulan ketika kejadian.

Hakim Surita Budin membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwa berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh yang berusia 28 tahun dan bekerja di sebuah kilang bagi kedua pertuduhan berkenaan.

Surita memaklumkan, mahkamah meneliti semua keterangan saksi pendakwaan dan pembelaan serta hujahan bertulis kedua-dua pihak sebelum membuat keputusan.

"Mahkamah mendapati pembelaan gagal membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Justeru tertuduh didapati bersalah dan disabitkan bagi kedua-dua pertuduhan," katanya.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu melakukan kesalahan pertama terhadap mangsa di sebuah rumah di Senawang antara jam 5 pagi hingga 5.30 pagi pada 26 dan 27 Disember 2021.

Kesalahan kedua dilakukan di lokasi sama pada waktu tengah hari 28 Disember 2021.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) dan (b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang

memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada satu lagi pertuduhan mengikut seksyen sama selepas mahkamah mendapati pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah.

Dalam rayuannya, peguam Asmawi Ismail memohon hukuman yang ringan atas alasan anak guamnya penanggung utama keluarga, mempunyai isteri serta tiga anak kecil, selain memberi kerjasama baik sepanjang siasatan.

Namun, Timbalan Pendakwa Raya Norazihah Asmuni memohon hukuman berat dikenakan kerana tertuduh sepatutnya melindungi, bukan mengambil kesempatan terhadap anak saudaranya sendiri.

"Kesalahan ini serius dan perlu dijadikan pengajaran kepada tertuduh serta masyarakat," katanya.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan, dengan arahan hukuman berjalan secara berterusan (*consecutive*).

"Mahkamah tidak boleh bertolak ansur terhadap kes serangan seksual fizikal terhadap kanak-kanak. Tertuduh sepatutnya melindungi mangsa, bukan melakukan jenayah kejam yang menyinggalkan trauma terhadapnya," tegas Surita.

Permohonan peguam pembelaan untuk penangguhan pelaksanaan hukuman ditolak selepas mahkamah berpuas hati tiada keadaan khas yang membolehkan permohonan itu dipertimbangkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : LELAKI DISYAKI LIWAT BUDAK DITAHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Lelaki disyaki liwat budak ditahan

Kuantan: Polis menahan seorang lelaki berusia 25 tahun kelmarin bagi membantu siasatan kes amang seksual kanak-kanak di daerah ini.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata, suspek yang tidak bekerja ditahan di rumahnya pada jam 11.15 pagi.

Katanya, kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 8 malam, Isnin lalu, ketika kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun itu berada di kawasan kedai.

Menurutnya, ketika berada di deretan kedai, mangsa ditahan suspek sebelum dibawa ke kawasan semak dan dipercayai diliwat.

"Bagaimanapun kita masih menjalankan siasatan dan polis juga dalam proses untuk merujuk mangsa ke hospital un-

tuk pemeriksaan lanjut," katanya.

Yahaya ditemui media selepas Majlis Pemakaian Pangkat Ketua Polis Daerah Jerantut Superintendan Mohd Azahari Mukhtar dan Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan Perundangan)

Pahang Superintendan Maziah Hamzah, di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati suspek mempunyai rekod kesalahan lampau berkaitan kes serangan seksual dan nar-kotik.

Katanya, permohonan reman ke atas suspek dibuat semalam untuk siasatan lanjut.

"Ketika berada di deretan kedai, mangsa ditahan suspek sebelum dibawa ke kawasan semak dan dipercayai diliwat. Bagaimanapun kita masih menjalankan siasatan"

Yahaya



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : REMAJA DINODA JIRAN!

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

LELAKI 54 TAHUN DIREMAN SEMINGGU BANTU SIASATAN

Remaja dinoda jiran!

Gombak

Polis menahan lelaki berusia 54 tahun selepas didakwa mero- gol remaja perempuan di Bandar Tasik Puteri, Ra- wang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Gom- bak, Asisten Komisioner

Noor Ariffin Mohamad Na- sir berkata, pihak Ibu Pe- jabat Polis Daerah (IPD) Gombak menerima lapo- ran berhubung kes rogol membabitkan mangsa be- rusia 13 tahun jam 8.15 ma- lam kelmarin.

Menurutnya, siasatan awal mendapati pengadu adalah ibu kepada mangsa berusia 35 tahun.

"Mangsa dipercayai di- rogol suspek lelaki dikenali yang juga penduduk di ka- wasan kejiranan mangsa.

"Susulan itu, Bahagian Siasatan Jenayah IPD Gombak menahan suspek di kawasan Bandar Tasik Puteri kelmarin," katanya semalam.

Beliau berkata, semakan mendapati suspek tidak

mempunyai rekod jenayah lampau dan direman se- minggu bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Kesek- saan. Orang ramai yang mempunyai maklumat

berkaitan kejadian dimin- ta menghubungi pegawai penyiasat jenayah IPD Gombak Inspektor Nik Nor Aqeela Nik Abdullah di ta- lian 019-9260203 atau Bilik Gerakan IPD Gombak di talian 03-61262222.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SUSPEK BERUSIA 50 TAHUN DITAHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KES SAMUN, ROGOL WANITA DI HUTAN SIMPAN

Suspek berusia 50 tahun ditahan

Bintulu: Suspek utama kes samun dan rogol seorang wanita berusia 20 tahun di kawasan Hutan Simpan Similajau hujung bulan lalu berjaya diberkas Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu pada petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Bintulu Superintenden Nixon Joshua Ali, lelaki berusia 50 tahun itu ditahan polis pada jam 2.30 petang ketika berada di kawasan awam di Sibu.

"Hasil maklumat dan risikan yang dijalankan pasukan polis membuahkan hasil yang mana suspek akhirnya berjaya ditangkap bagi membantu siasatan," katanya.

Menurutnya, dalam kejadian yang berlaku pada jam 9 malam itu, suspek menyamar sebagai anggota polis dan bertindak memperdayakan mangsa dengan menawarkan bantuan kewangan sebelum

membawa mangsa ke lokasi kejadian lalu menyamun serta merogol mangsa.

Nixon dalam masa sama menasihatkan orang awam terutama golongan wanita supaya tidak terpedaya dengan mana-mana individu yang mengaku sebagai penjawat awam sekiranya tidak menunjukkan sebarang tanda pengesahan.

"Ia bagi mengelakkan diri mereka menjadi mangsa penipuan yang akhirnya membahayakan diri sendiri," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan tidak mudah mempercayai mana-mana individu yang mendakwa diri mereka sebagai penjawat awam tanpa pengesahan yang sah bagi mengelakkan diri daripada ditipu.

"Kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 392/376 dan 170 Kanun Keseksaan," katanya.

**Suspek akhirnya
berjaya ditangkap
bagi membantu
siasatan**
Nixon

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN WHO POSED AS COP TO RAPE, ROB WOMAN ARRESTED

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



CID team members arrest the suspect in Sibü. — Police photo

Man who posed as cop to rape, rob woman arrested

BINTULU: Police have arrested a man in his early 50s in connection with the rape and robbery of a woman at the Similajau Forest Reserve on Oct 29.

Bintulu police chief Supt Nixon Joshua Ali said initial investigations revealed the suspect had impersonated a police officer and deceived the victim by offering financial

assistance.

"The suspect then lured the victim to the crime scene, seized her mobile phone, and subsequently raped her," he said in a statement.

Following intensive intelligence operations from Oct 30 to Nov 4, he said a Criminal Investigation Department (CID) team traced and arrested the suspect in Sibü around 2.30pm on

Tuesday.

The suspect has been detained to assist investigations under Section 392 of the Penal Code for robbery, Section 376 for rape, and Section 170 for impersonating a public servant.

Nixon advised the public to remain vigilant and not to easily trust individuals claiming to be government officers without proper verification.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : COUPLE UNDER REMAND OVER ABBUSE OF ADOPTED SON

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Couple under remand over abuse of adopted son

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: A married couple allegedly abused their nine-year-old adopted son by burning and scalding him with a lighter and hot water – all because he lost his colour pencils in school.

The Magistrate's Court in Ayer Keroh issued a six-day remand order against the couple for an investigation under Section 31(1) (a) of the Child Act 2001.

The Section concerns ill-treatment, neglect, abandonment or exposure of a child in a manner likely to cause harm, with a maximum fine of RM50,000, jail of up to 20 years or both.

A police source said the case came to light after the uncle visited his younger brother's home in Batu Berendam last Thursday and noticed burn marks on the boy's right hand and scars on his legs.

He then found out about the alleged abuse which is said to have happened on Oct 29.

The source said the uncle, worried for the boy's safety, returned the next day under the pretext of taking him for a short outing.

During that time, the boy confided that he had been frequently beaten and punished by his adoptive parents.

The uncle then lodged a report at the Batu Berendam police station, leading to the arrest of the couple on Tuesday.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FATHER-OF-THREE JAILED 20 YEARS FOR RAPING NIECE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 6 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Father-of-three jailed 20 years for raping niece

SEREMBAN: A 28-year-old father of three was sentenced to 20 years in jail and ordered to be given four strokes of the cane by the Sessions Court after he was found guilty of two counts of sexually assaulting his niece who was two months short of turning 15.

Judge Surita Budin said the prosecution had proven both the charges against the accused.

The accused was charged with committing the first offence against the victim at a house in Taman Matahari Indah at around 5am between Dec 26 and 27, 2021.

The second offence was committed at the same house around noon on Dec 28.

The court, however, acquitted and discharged the accused of a third charge after finding that the defence had successfully raised a reasonable doubt.

Surita then sentenced the accused to 10 years' jail and two strokes of the cane for each charge. She ordered the sentences to run consecutively.

Lawyer Asmawi Ismail asked the court to grant a stay of execution as the defence would appeal the decision, but deputy public prosecutor Norazihah Asmuni objected, saying there were no special circumstances to allow it.

Surita rejected a stay of execution.